

Ibu tunggal tertekan



» *Bimbang tebing bukit di belakang rumah runtuh*

Oleh Abnor Hamizam
Abd Manap

bhnews@bharian.com.my

► Bandar Seri Jempol

Tebing bukit di belakang rumah, yang berisiko runtuh menyebabkan seorang ibu tunggal di FELDA Pasoh Tiga, di sini, hidup dalam keadaan kebimbangan.

Hujan lebat sejak lebih sebulan lalu menyebabkan air lumpur dari atas bukit memasuki stor belakang rumah dan kadang-kadang



melimpah hingga jalan.

Ramlah Arshad (**gambar**), 54, yang kematian suami sejak empat tahun lalu, tinggal seorang diri kerana semua empat anaknya tinggal di tempat lain.

Katanya, setiap kali hujan lebat, beliau akan berjaga-jaga kerana bimbang tebing bukit itu mungkin runtuh dan menimpa rumahnya.



Keadaan lereng bukit **berhampiran rumah** Ramlah di FELDA Pasoh Tiga, Batu Kikir, Negeri Sembilan.

[FOTO ABNOR HAMIZAM ABD MANAP/BH]

“Saya harap keadaan tebing bukit yang merbahaya dapat diperbaiki segera kerana jika dibiarkan, kejadian tidak diinginkan boleh berlaku,” katanya.

Anak Ramlah, Nazuhaina Abu Samah, 30, berkata masalah itu dimaklumkan kepada pengurusan tanah rancangan itu dan berharap tindakan membaiki tebing bukit itu dapat dilakukan segera.

Bimbang keselamatan

Beliau juga menafikan bahawa

keluarganya menjual tanah yang diambil dari tebing bukit itu dan menyatakan bahawa tanah itu diambil tanpa pengetahuan keluarganya, terutama apabila tiada orang di rumah.

“Saya bimbang keselamatan emak yang tinggal, di sini, seorang diri. Jika ada apa-apa berlaku, tiada siapa tahu,” katanya.

Sementara itu Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) FELDA Pasoh Tiga, Mohamed Mat Dom, berkata

pihaknya menerima peruntukan RM30,000 untuk membaiki pulih tebing bukit itu.

“Saya harap keluarga berkenaan dapat bersabar kerana urusan tender sedang dijalankan bagi memilih kontraktor yang mahir membaiki keadaan tebing itu,” katanya.

Katanya, JKKK dan pengurusan FELDA sentiasa mengambil berat aduan penduduk dan tidak pernah meminggirkan aduan mereka.